

Nama	
Tingkatan	

**SEJARAH**

Kertas 1

Sept

1 jam

**MODUL GUNASAMA SEJARAH  
TINGKATAN 5**

---

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi **40** soalan.*
2. *Jawab **semua** soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C dan D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukarkan jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.*

---

---

Kertas soalan ini mengandungi 17 halaman bercetak.

*[Lihat halaman sebelah*

1 Kesultanan Melayu Melaka mempunyai pentadbiran yang tersusun.

Apakah sistem pentadbiran tersebut?

- A Pembesar Jemaah Menteri
- B Pembesar Empat Lipatan
- C Pembesar Berempat
- D Pembesar Pusat

2 Hukum Kanun Melaka terdiri daripada 44 Fasal. Dalam Fasal 4 menyatakan tentang hukuman bunuh yang dikenakan kepada seseorang.

Apakah kesalahan yang dikenakan mengikut undang-undang di atas?

- A Memalsukan perintah Sultan
- B Membantu penjajah asing
- C Menceroboh istana Sultan
- D Mencuri mahkota Sultan

3 Senarai tokoh berikut merupakan pejuang nasionalisme di negara kita.

- |  |
|--|
| <ul style="list-style-type: none"><li>• Za'ba</li><li>• Fatimah Yaakub</li><li>• Abdul Rahim Kajai</li></ul> |
|--|

Bagaimanakah tokoh tersebut membangkitkan kesedaran nasionalisme di negara kita?

- A Penubuhan madrasah
- B Penerbitan majalah
- C Penulisan kreatif
- D Penyebar berita

4

Akhbar	Tahun Diterbitkan
Al-Imam	1906

Apakah yang disarankan oleh golongan ulama melalui penerbitan akhbar tersebut?

- A Kesepakatan perpaduan
  - B Kerjasama dengan barat
  - C Kewajipan membayar zakat
  - D Kembali kepada Islam sebenar
- 5 Mengapakah Tentera Jepun memberikan layanan yang kejam kepada kaum Cina di Tanah Melayu?
- A Sistem sosial yang berbeza
  - B Sejarah permusuhan perang
  - C Mengelakkan penyatuan kaum
  - D Melaksanakan dasar pecah perintah

- 6 Gambar berikut menunjukkan Gurchan Singh yang menggerakkan penentangan terhadap pendudukan Jepun.



- Apakah yang dilakukan beliau semasa pendudukan tentera Jepun?
- A Menyebarkan risalah dan propaganda
  - B Membantu mangsa perang
  - C Melancarkan perang gerila
  - D Membunuh tentera Jepun
- 7 Bantahan terhadap Malayan Union telah dibuat melalui akhbar Melayu.
- Apakah akhbar tersebut?
- A Utusan Melayu
  - B The Malay Mail
  - C Fajar Sarawak
  - D Warta Malaya

- 8 Penyerahan Sarawak kepada kerajaan British telah mendapat tentangan hebat daripada masyarakat tempatan.

Apakah bentuk penentangan yang dilancarkan oleh golongan tersebut?

- I Mengadakan kongres
  - II Menulis surat bantahan
  - III Mengadakan persidangan
  - IV Bantahan golongan agama
- 
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
- 9 Mengapakah pegawai British menyokong pembentukan Persekutuan Tanah Melayu?
- A Mengekalkan penguasaan British di Tanah Melayu
  - B Mewujudkan keamanan dan kestabilan ekonomi
  - C Meningkatkan kerjasama antara kaum
  - D Mengukuhkan institusi beraja mutlak
- 10 Apakah kesan Pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1948 terhadap orang bukan Melayu?
- A Menjadi warganegara
  - B Membentuk parti politik
  - C Keutamaan dalam ekonomi
  - D Diberikan kedudukan istimewa

- 11 Menjelang tahun 1924, cawangan Parti Kuomintang ditubuhkan pada hampir setiap bandar di negeri Melayu untuk menyebarkan pengaruh komunis.

Apakah bandar tersebut?

- A Sungai Petani
- B Segamat
- C Tumpat
- D Jasin
- 12 Mengapakah rakyat bergantung kepada makanan berikut semasa zaman darurat?

- Ubi kayu
- Keledek
- Jagung

- A Perintah berkurung
- B Catuan bekalan makanan
- C Sistem perhubungan rosak
- D Kemusnahan ladang pertanian
- 13 Apakah kepentingan Sistem Ahli?
- A Penjimatan perbelanjaan kerajaan
- B Pengukuhan kuasa politik bumiputera
- C Persediaan ke arah berkerajaan sendiri
- D Pengekalan sistem pentadbiran tradisional

- 14 Antara yang berikut, yang manakah berkaitan dengan Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956?
- I Pendidikan Sivik diperkenalkan
  - II Pengenalan sekolah aneka jurusan
  - III Penggunaan kurikulum yang seragam
  - IV Pelaksanaan sistem persekolahan yang sama
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV
- 15 Apakah pilihan raya yang terawal di negara kita?
- A Pilihan raya negeri
  - B Pilihan raya Perbandaran George Town
  - C Pilihan raya Majlis Bandaran Johor Bahru
  - D Pilihan raya Majlis Perbandaran Kuala Lumpur
- 16 Apakah peranan Majlis Perundangan Persekutuan yang ditubuhkan selepas Pilihan Raya Umum 1955?
- A Menguruskan kewangan negara
  - B Mengetuai pentadbiran negeri
  - C Mengambil alih pentadbiran
  - D Menggubal undang-undang

- 17 Gambar berikut berkaitan dengan Rundingan London yang berlangsung pada tahun 1956.



- Apakah kepentingan rundingan tersebut?
- A Pengenalan jus soli
  - B Pelaksanaan pilihan raya
  - C Pemberian kemerdekaan negara
  - D Pembentukan Persekutuan Malaysia
- 18 Apakah cara pemberian kewarganegaraan dalam Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957?
- A Kerakyatan Jus Soli
  - B Melalui permohonan
  - C Mengangkat sumpah
  - D Percantuman wilayah
- 19 Apakah persediaan Jawatankuasa Persediaan Fizikal untuk menyambut pemasyhuran kemerdekaan negara?
- A Membina stadium
  - B Menganjurkan kursus protokol
  - C Pemberian gaji seminggu lebih awal
  - D Menempah bendera Persekutuan Tanah Melayu



20 Gambar berikut ialah Bunga Kebangsaan.



Apakah kepentingan lambang negara tersebut?

- A Simbol perpaduan
  - B Simbol keberanian
  - C Simbol kedaulatan
  - D Simbol kemegahan
- 21 Siapakah ketua utama negara?
- A Raja
  - B Menteri Besar
  - C Ketua Menteri
  - D Yang di-Pertuan Agong

- 22 Gambar berikut ialah Sampul Surat Hari Pertama Pos Malaysia.



Apakah mesej yang diperolehi daripada sampul surat tersebut

- A Menghormati budaya dan adat resam
- B Mengadakan kunjung-mengunjung
- C Mematuhi undang-undang
- D Menyambut perayaan
- 23 Senarai berikut merupakan undang-undang Inggeris yang diperkenalkan di negara kita.

- Charter of Justice I
- Charter of Justice II
- Charter of Justice III

Apakah matlamat British memperkenalkan undang-undang tersebut?

- A Melindungi penduduk asal
- B Mengukuhkan kuasa British
- C Memberikan kuasa kepada Gabenor
- D Menyeragamkan sistem pentadbiran

- 24 Apakah nama Sabah sebelum pembentukan Malaysia?
- A South Borneo
  - B North Borneo
  - C Kalimantan Utara
  - D Negeri di Bawah Bayu
- 25 Sultan Ibrahim Ibn Almarhum Sultan Iskandar dipilih sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-17 mulai 31 Januari 2024.




Bagaimanakah Yang di-Pertuan Agong dipilih?

- A Melalui Durbar
- B Melalui warisan
- C Melalui penggiliran
- D Melalui pilihan raya

26 Apakah kesan kerjasama politik yang berlaku pada Pilihan Raya Umum ke 14?

- A Darurat disyiharkan
- B Parti Perikatan dibentuk
- C Kemenangan Pakatan Harapan
- D Barisan Nasional menang 13 kerusi

27 Rajah berikut menunjukkan tiga peringkat pentadbiran kerajaan Malaysia.



Apakah X?

- A Mukim
- B Daerah
- C Kerajaan Pusat
- D Kerajaan Tempatan

- 28 Apakah majlis yang ditubuhkan untuk menyelaraskan pentadbiran Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri?
- I Majlis Khazanah Nasional
  - II Majlis Persekutuan Negeri
  - III Majlis Kewangan Negara
  - IV Majlis Tanah Negara
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV
- 29 Mengapakah British bersetuju dengan idea pembentukan Malaysia?
- A Memajukan taraf hidup
  - B Memudahkan pentadbiran
  - C Mengawal kuasa politik orang Melayu
  - D Menghapuskan persaingan kuasa barat

30 Maklumat berikut berkaitan intipati Perjanjian Malaysia.

Kerusi parlimen diberikan kepada Singapura sebanyak 12 kerusi, Sarawak 24 kerusi dan Sabah 16 kerusi.

Mengapakah setiap negeri mendapat pengagihan kerusi parlimen yang berbeza?

- A Kemakmuran ekonomi
  - B Permintaan pemimpin
  - C Peluasan wilayah
  - D Kewangan
- 31 Apakah kesan daripada pemecatan Stephen Kalong Ningkan sebagai Ketua Menteri Sarawak?
- A Pilihan raya kecil diadakan
  - B Pemberontakan kaum berlaku
  - C Pengisytiharan darurat di Sarawak
  - D Pemansuhan jawatan Ketua Menteri
- 32 Perkembangan berikut telah menjadi punca utama peristiwa rusuhan kaum 13 Mei 1969.

Ketidakseimbangan ekonomi dan sosial



Perarakan selepas Pilihan Raya Umum 1969

Mengapakah perkembangan tersebut telah mencetuskan peristiwa rusuhan kaum di negara kita?

- A Masyarakat jahil
- B Perpaduan kaum lemah
- C Kelemahan sistem beraja
- D Rakyat tidak berpendidikan

33



Aminuddin Baki

Mengapakah tokoh berikut memperkenalkan sistem persekolahan aneka jurusan pada tahun 1965?

- A Melahirkan tenaga kerja mahir
- B Memperkenalkan bahasa asing
- C Memperkasakan sekolah vokasional
- D Mengawal perkembangan sekolah swasta

34 Maklumat berikut berkaitan prinsip utama Dasar Kebudayaan Kebangsaan.

- Berteraskan kebudayaan rakyat asal Rantau Melayu
- Unsur kebudayaan lain yang sesuai
- **X**

Apakah **X**?

- A Berteraskan prinsip Rukun Negara
- B Berteraskan kebudayaan Nasional
- C Islam sebagai unsur penting
- D Mengutamakan titah Sultan

- 35 Apakah agensi yang dipertanggungjawabkan untuk mengadakan garis panduan pembentukan Dasar Ekonomi Baru (DEB)?
- A Majlis Gerakan Negara
  - B Majlis Perpaduan Negara
  - C Majlis Perundingan Negara
  - D Majlis Tindakan Ekonomi Negara
- 36 Apakah langkah yang diambil dalam DEB dan DPN yang berjaya menurunkan kadar kemiskinan di Malaysia?
- A Menghalang pemilikan aset bukan bumiputera
  - B Menyekat kemasukan pendatang asing
  - C Menyediakan kemudahan pinjaman
  - D Menambah peluang pendidikan
- 37 Apakah peranan Malaysia dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)?
- I Menggerak ZOPFAN
  - II Menganggotai CHOGM
  - III Menyertai misi pengaman
  - IV Menjadi ahli Majlis Keselamatan
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV



- 38 Jadual berikut berkaitan peranan Malaysia dalam Pergerakan Negara-negara Tanpa Pihak (NAM).

- |  |
|--|
| <ul style="list-style-type: none"><li>• Menyuarakan isu pencerobohan hak asasi</li><li>• Dasar Aparteid</li><li>• Isu Bosnia dan Herzegovina</li></ul> |
|--|

Apakah saranan Malaysia bagi menangani isu tersebut?

- A Sekatan antarabangsa
- B Gantung keahlian
- C Boikot produk
- D Lucut jawatan
- 39 Apakah tujuan Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) diwujudkan?
- A Memonopoli pasaran
- B Pengeluaran baja urea
- C Meningkatkan pendapatan negara
- D Mengurangkan tarif dan cukai barangan
- 40 Sebagai rakyat Malaysia, apakah nilai yang boleh diambil bagi menjaga kelestarian alam sekitar?
- A Jujur
- B Bijaksana
- C Bertanggungjawab
- D Berani menanggung risiko

**KERTAS SOALAN TAMAT**